

Selepas pembedahan

Hari pembedahan

- Kawalan sakit.
- Tiub kencing dan tiub titisan
- Cuba untuk duduk.
- Anda mungkin perlu puasa.
- Minum & makan mengikut arahan




1 hari selepas pembedahan

- Duduk, latihan pernafasan.
- Mula berjalan dengan bantuan.
- Tiub kencing dikeluarkan.
- Berjalan ke tandas dengan bantuan.
- Kentut dan kencing.
- Minum seperti biasa. Makanan ringan.
- Pulang ke rumah sekiranya pembedahan dilakukan secara laparoscopy dan anda sihat.



2 hari selepas pembedahan

- Kebanyakan tiub akan dikeluarkan.
- Duduk, latihan pernafasan.
- Boleh berjalan.
- Makan & minum seperti biasa.
- Pulang ke rumah.



Bila perlu jumpa doktor?

- demam
- loya muntah melebihi 1 hari
- kembung perut, sakit perut yang teramat sangat
- Tidak boleh kentut/ kencing
- pendarahan atau keputihan luar biasa dari faraj
- sakit / bengkak di salah satu kaki
- sakit kuat, peenddarahan, bengkak, bernanah pada luka



Penjagaan selepas pembedahan

Pemakanan



- Diet biasa.
- Elakkan sembelit.

Aktiviti



- Rehat apabila anda rasa penat.
- Bejalan.
- Latihan pernafasan.
- Bergerak perlahan.
- Elakkan mengangkat barang berat & aktiviti lasak selama 2 bulan.

Penjagaan luka



- Basuh dengan air suam dan keringkan.
- **JANGAN** guna sebarang ubat/krim kecuali diarahkan oleh doktor.
- Tinggalkan Steri-strips itu selama 1 minggu/ bila ia tanggal sendiri.

Ubat-Ubatan



- Ambil ubat mengikut arahan.
- Tanya doktor anda bila anda perlu mengambil semula ubat sendiri, (contohnya: pencair darah).
- Elakkan pengambilan ubat tradisional/ produk suplemen. Berunding dengan doktor anda sebelum mengambilnya.

Lain-lain



- Rehat selama 6 bulan sebelum cuba untuk hamil.
- Rawatan susulan dengan doktor.
- Seks - tunggu sehingga tiada keputihan dan bila anda bersedia, biasanya selepas 4-6 minggu selepas pembedahan.



Panduan ringkas


Myomectomy

Disediakan oleh:

DR NG YING SHAN

PAKAR OBSTETRIK & GINEKOLOGI

DISEMBER 2023



Dr Ng Ying Shan



drngyingshan



@drngyingshan

Fibroids



Apakah itu fibroids?

Tumour/ketumbuhan bukan kanser yang tumbuh dalam otot rahim.

Apakah itu myomectomy?

Pengeluaran fibroid melalui pembedahan

Kenapa saya perlu myomectomy?

Lebih daripada 50% wanita yang ada fibroid tidak mempunyai sebarang gejala. Rawatan tidak diperlukan untuk golongan ini.

Walaupun bagaimanapun, jika fibroid menyebabkan masalah kesihatan, pembedahan mungkin diperlukan untuk mengeluarkan fibroid. Berikut adalah contoh masalah kesihatan yang disebabkan oleh fibroid:

- Pendarahan yang banyak +/- sakit
- Gejala tekanan ke atas pundi kencing
- Perut kembung
- Sakit pelvis
- Masalah kesuburan
 - Sukar untuk hamil
 - Keguguran
 - Bersalin pra-matang

Adakah terdapat rawatan alternatif?

Ya, rawatan alternatif termasuk:

- Ubat-ubatan
- *Transcervical resection of fibroids*
- *Uterine artery embolization*
- *High intensity focused ultrasound*
- Histerektomi (pengeluaran rahim)

Semua kaedah ini mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Berbincang dengan doktor anda untuk memutuskan kaedah yang paling sesuai dengan anda.


Untuk bahasa lain & maklumat lanjut:

<https://www.drngyingshan.com/myomectomy>



Bagaimana pembedahan dijalankan?

Pembedahan boleh dilakukan melalui laparoscopi atau pembedahan terbuka, (laparotomy) bergantung kepada kesesuaian.




Laparoscopi



Laparotomy

Apabila pembedahan dilakukan secara laparoscopi, fibroid akan dipotong menjadi kepingan kecil (*morcellation*) untuk memudahkan pengeluarannya dari badan. Ia boleh dilakukan dalam bag atau tanpa bag.



Apakah risiko-risiko myomectomy?

Risiko-risiko biasa:

- Sakit
- Jangkitan (luka, kencing, paru-paru)
- Pendarahan

Risiko-risiko jarang berlaku:

- Trauma pada pundi kencing / usus
- Pendarahan yang memerlukan transfusi darah/pengeluaran rahim
- kembali ke bilik bedah
- Jangkitan pelvis/nanah
- pembekuan darah dalam kaki/ paru-paru
- Penyakit berulang

Kehamilan masa depan:

- Mungkin perlu pembedahan Caesarean
- Risiko rahim pecah

Laparoscopi vs laparotomy

Kebaikan *myomectomy* secara laparoscopi berbanding laparotomy:

- Kurang sakit
 - Kurang masalah demam
 - Parut yang kecil
 - Penyakit berulang - tiada perbezaan
- Keburukan
- *Morcellation* yang tidak disengajakan atas kanser rahim (sarcoma) yang sukar diramal
 - Kemungkinan penyebaran fibroid

Apakah risiko kanser rahim yang tidak disyaki semasa pembedahan bagi fibroid yang diasakan sebagai benign?

Umur	<50 tahun	50-59 tahun	>60 tahun
Risiko	1:760 ke 1:1250	1:172 ke 1:303	1:65 ke 1:278

Penyediaan untuk myomectomy:



- Bincang dengan doktor anda mengenai risiko dan manfaat pembedahan tersebut.



- Gunakan kontrasepsi.
- Elakkan kehamilan sebelum pembedahan.



- Bincang dengan doktor anda ubat mana yang perlu dihentikan/dimulakan, elakkan penggunaan ubat herba / tradisional.



- Henti merokok.
- Sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum pembedahan.



- Elakkan arak sebelum pembedahan.